

BATASAN BERKARYA MENURUT AKIDAH ISLAMIAH:
KAJIAN *AWLĀD ḤĀRATINĀ* OLEH NAJĪB MAḤFŪZ,
DĪWĀN OLEH ^ḤABD AL-WAHHĀB AL-BAYĀTĪ
DAN “LANGIT MAKIN MENDUNG”
OLEH KIPANDJIKUSMIN

ZULKARNAIN BIN MOHAMED

TESIS INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2011

ABSTRAK

Kajian ini menyentuh batasan akidah Islamiah yang diaplikasi dalam tulisan sastera dan kewajipan sasterawan dalam mematuhi. Objektif kajian ini ialah mendedahkan amalan yang bercanggah dengan akidah Islamiah dalam memanfaatkan elemen akidah Islamiah dan elemen kepercayaan selain Islam, yang bercanggah dengan akidah Islamiah, dalam karya sastera. Kedua ialah menilai implikasi akidah Islamiah, kesan daripada penyalahgunaan penamaan dan kerangka Islami dalam tulisan sastera yang bersifat agresif dalam menghina agama Islam. Ketiga ialah menilai implikasi akidah Islamiah, kesan daripada penggunaan penamaan dan kerangka bukan Islami dalam tulisan sastera yang bersifat kontrasif dalam menghina Islam. Keempat ialah menilai secara khusus implikasi akidah Islamiah kesan daripada pengaruh kerangka *tashkik* (menimbulkan keraguan) orientalisme, yang bercanggah dengan akidah Islamiah. Kelima ialah menolak manifestasi karya dalam bentuk watak dan perwatakan, dan dalam bentuk kerangka pengkaryaan yang bercanggah dengan akidah Islamiah. Metode kajian ini ialah kajian literatur dengan menggunakan pendekatan *ta'āmul-taklif*. Pendekatan *ta'āmul* diaplikasi dalam kajian ini untuk mengukur sejauh mana sasterawan yang dijadikan sampel kajian mematuhi tuntutan akidah Islamiah dalam memanfaatkan sumber Islami dan bukan Islami dalam karya. Pendekatan *taklif* pula, secara khusus, bertujuan untuk menilai rasa bertanggung jawab, atau dalam kajian ini dinamakan “*taklif sosial*” dalam memanifestasikan pemanfaatan tersebut secara langsung dalam karya kreatif, sama ada puisi atau prosa. Antara hasil kajian yang penting ialah karya yang dikaji sebagai kes kajian terdedah kepada penyelewengan tasawur Islami, menyalahgunakan penamaan dan kerangka Islami, dan mengadaptasi penamaan dan kerangka bukan Islami secara kontrasif, kontras atau berlawanan dengan akidah Islamiah. Secara khusus berkenaan dengan kerangka *tashkik* orientalisme, ia didapati mempengaruhi ketiga-tiga kajian kes, iaitu karya Najib Mahfuz dan Kipandjikusmin.

ABSTRACT

This study is concerned with the boundary of Islamic creed that applies in literary writing and the obligation of Muslim writer to follow it. It is intended to debunk a literary practice that contravenes Islamic creed in expanding elements of Islamic creed, and elements of non-Islamic creed, which contradict Islamic creed, into literary work. Secondly, it is to evaluate the implication of Islamic creed, resulting from the misuse of Islamic nomenclature and framework, in a literary work that is aggressive and misrepresents Islam. Thirdly, it is to evaluate the implication of Islamic creed, resulting from the use of non-Islamic nomenclature and framework in a literary work that is contrastive and misrepresenting. Fourthly, it is to specifically evaluate the implication of Islamic creed, resulting from the influence of *tashkik* (casting doubt) framework in orientalism, which contradicts Islamic creed. Fifthly, it is to argue against the literary manifestations in the form of characters and characteristics, and in the form of a literary framework that contradicts Islamic creed. As of research method for this study, it is library based, using *ta^cāmul-taklif* approach. *Ta^cāmul* approach is applied in this research to examine how far literary men concerned oblige the requirement of Islamic creed in expanding Islamic and non-Islamic sources into literary work. *Taklif* approach, is intended to examine sense of responsibility, or “taklif sosial” as named in this study in projecting the direct expansion into creative work, be it poetry or prose. It is found that the works concerned are exposed to the extortion of Islamic worldview, misuse of Islamic nomenclature and framework, and adaptation of non-Islamic nomenclature and framework contrastively or contradictorily to Islamic creed. Specifically talking about *tashkik* framework in orientalism, it is found to have shaped the three works, namely those of Najib Mahfuz and Kipandjikusmin.

KANDUNGAN

Muka surat

HALAMAN JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
<i>DECLARATION</i>	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	vi
<i>ABSTRACT</i>	vi
KANDUNGAN	vii
JADUAL TRANSLITERASI	xii
 BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Latar belakang kajian	1
1.2 Biografi karyawan Muslim yang dikaji	5-14
1.3 Pernyataan masalah kajian	15-21
1.4 Persoalan kajian	22-23
1.5 Objektif kajian	24
1.6 Kepentingan kajian	24
1.7 Batasan kajian	25
1.8 Karya kontroversial yang menghina Islam	25-48
1.9 Kerangka kajian	48
 BAB 2 SOROTAN KEPUSTAKAAN	
2.1 Pengenalan kajian lepas	49
2.2 Karya kontroversial sebelum al-Bayātī, Najīb dan Kipanjikusmin	50
2.3 <i>Dīwān ʿAbd al-Wahhāb al-Bayātī</i>	53
2.4 <i>Awlād ḥāratinā</i>	63

2.4.1	Autobiografi dan persoalan sosial	64
2.4.2	Aspek estetik	71
2.4.3	Kebebasan berkarya	74
2.5	“Langit makin mendung”	79-83
BAB 3	DEFINISI OPERASI KAJIAN DAN PERHASAN PENDEKATAN KAJIAN	
3.1	Definisi operasi kajian “batasan bercereka menurut akidah Islamiah”	84
3.1.1	Batasan kebenaran, kewajaran dan imaginasi	85
3.1.2	Pentafsiran akidah Islamiah ke dalam domain sastera	90
3.1.3	Batasan wahyu dalam pentafsiran elemen akidah Islamiah	92
3.1.4	Batasan pemanfaatan elemen akidah Islamiah	100
3.2	Perbahasan sandaran pendekatan kajian	104
3.2.1	Sandaran syariat Islamiah	104
3.2.2	Sandaran akidah Islamiah	108
3.2.3	Perbahasan pendekatan <i>ta^cāmul</i> -taklif	112
	a. Definisi dan tatacara <i>ta^cāmul</i>	113
	b. <i>Dilalah</i> sebagai asas pendekatan <i>ta^cāmul</i>	117
	c. Definisi dan tuntutan pendekatan taklif	124
	d. Taklif sosial sebagai asas pendekatan taklif	127
	e. Pendekatan <i>ta^cāmul</i> -taklif	133-140
BAB 4:	PEMANFAATAN ELEMEN AKIDAH ISLAMIAH DALAM KARYA	
4.1	Kebebasan pemanfaatan elemen akidah Islamiah dan implikasi <i>takfir</i>	144-150
4.2	Pengsabitan dan penghukuman kafir	151-162
4.3	Domain pemanfaatan elemen akidah Islamiah	163-168
4.4	Pemanfaatan elemen akidah Islamiah dalam domain sosial	169-180

4.5	Bentuk imaginasi (gambaran) bagi pemanfaatan elemen akidah Islamiah	181-185
-----	---	---------

BAB 5 PREMIS BUKAN AKIDAH ISLAMIAH DAN PENGKHIANATAN ILMU

5.1	Premis akidah Islamiah	186-192
5.2	Premis bukan akidah Islamiah	
5.2.1	Premis dakyah atau propaganda palsu	193-199
5.2.2	Premis ideologi	199-205
5.2.3	Premis <i>tashkik</i> , menimbulkan keraguan terhadap akidah Islamiah	205-213
5.3	Pengkhianatan ilmu	
5.3.1	Pentakrifan istilah ‘pengkhianatan ilmu’	213-217
5.3.2	Pengkhianatan sebagai jenayah tambahan kepada murtad	217-220
5.3.3	Peruntukan syar’i bagi hukuman mandatori bagi jenayah menghina Islami	220-229
5.3.4	Hukuman bukan mandatori	229-235

BAB 6 MANIPULASI SUMBER ISLAMI DALAM KARYA

6.1	Definisi sumber Islami	236-242
6.2	Manipulasi penamaan Islami	242-245
6.2.1	Manipulasi penamaan tauhid	246-249
6.2.2	Manipulasi penamaan malaikat	250-251
6.2.3	Manipulasi penamaan wahyu dan mukjizat	251-254
6.3	Manipulasi kerangka Islami	255
6.3.1	Manipulasi kerangka penceritaan al-Qur’an	255-267
6.3.2	Manipulasi kerangka sirah Rasulullah SAW	267-276
6.3.3	Manipulasi kerangka Hadith Rasulullah SAW	277-279

BAB 7 ADAPTASI SUMBER BUKAN ISLAMI DALAM KARYA

7.1	Definisi adaptasi sumber bukan Islami	280-285
7.2	Adaptasi penamaan dan kerangka Bible	285-286
7.2.1	Konsep trinititi dan <i>tajsīm</i>	286-288
7.2.2	Konsep dosa yang diwarisi	288-290
7.2.3	Konsep penyaliban Jesus	290-295
7.2.4	Konsep Jesus sebagai penyelamat	295-298
7.2.5	Konsep <i>Asceticism</i> , meninggalkan keduniaan mutlak	298-300
7.3	Penamaan <i>pheonix</i> dan <i>‘anqā’</i>	300-303
7.4	Penamaan dewa-dewa politeisme Babylon, Sūmarīyah dan Greek	303-306
7.4.1	Penamaan dewa Greek	306-307
7.4.2	Penamaan dewa Babylon dan Sūmarīyah	307-309
7.4.3	Penamaan dewa Firaun atau Mesir kuno	309-311
7.5	Kerangka penceritaan Veda dan <i>Ilyad and Odyssey</i>	311-313
7.6	Kerangka falsafah moden bukan Islami	313-314

BAB 8 PENGARUH KERANGKA *TASHKĪK* ORIENTALISME DALAM KARYA

8.1	Definisi kerangka <i>tashkik</i> orientalisme	315-329
8.2	Manifestas pengaruh kerangka <i>tashkik</i> orientalisme dalam karya Najib, al-Bayātī dan Kipandjikusmin	329
8.2.1	Menimbulkan keraguan terhadap Islam sebagai agama samawi	329-338
8.2.2	Mempersendakan perkara <i>ghaybīyāt</i> , asas akidah Islamiah	338-344
8.2.3	Menganggap al-Qur’an sebagai rekaan	344-352
8.2.4	Mempertikaikan keperibadian Nabi Muhammad SAW	352-355
8.2.5	Mengaitkan keganasan dengan ajaran Islam	355-358
8.2.6	Mempersoalkan keutuhan tamadun Islam	359-363

8.2.7 Mempersoalkan keutuhan akhlak Islamiah 364-368

BAB 9	MANIFESTASI TAKLIF SOSIAL DALAM KARYA	
9.1	Batasan akidah Islamiah dalam berilustrasi	369
9.2	Analisis watak dan perwatakan	372
9.2.1	Allah Taala sebagai watak	372-379
9.2.2	Malaikat sebagai watak	380-383
9.2.3	Manusia agung di sisi Allah sebagai watak	384-393
9.2.4	Manusia biasa sebagai watak	393-397
9.3	Analisis latar masa dan tempat	397
9.3.1	Alam Akhirat sebagai latar tempat	399-402
9.3.2	Alam <i>Malakūt</i> sebagai latar tempat	403-404
9.3.3	Alam metafizik dan jin sebagai latar tempat	405-407
9.3.4	Alam nyata sebagai latar tempat	408-412
10	PENUTUP	413-420
11	RUJUKAN	421-432

JADUAL TRANSLITERASI

Huruf Arab	Huruf Latin	Huruf Arab	Huruf Latin
ا	-	ض	d
ب	B	ط	t
ت	T	ظ	z
ث	Th	ع	c
ج	J	غ	gh
ح	h	ف	f
خ	Kh	ق	q
د	D	ك	k
ذ	Dh	ل	l
ر	R	م	m
ز	Z	ن	n
س	S	و	w
ش	Sh	ه/هـ	h
ص	ṣ	ء	'
		ي	y

Vokal Pendek	Vokal Panjang	Diftong
a اَ	ā اِ	
i اِ	ī يِ	ay اِي
u اُ	ū وِ	aw اَوْ

Sumber: Muhammad Bukhari Lubis & Ali Haji Ahmad (2006 : 2-3)

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar belakang kajian

Penyelidikan ini menyentuh ‘kebebasan berkarya’ dalam kalangan sasterawan yang beragama Islam menurut perspektif akidah Islamiah, dengan memberi fokus kepada tiga kajian kes. Kajian kes pertama ialah *Dīwān* yang mengandungi beberapa antologi puisi dan dibahagikan kepada tiga jilid, hasil tulisan ^cAbd al-Wahhāb al-Bayātī (1926-1999). Beliau seorang pemuisi Iraq yang dianggap sebagai pelopor gerakan sosialis realisme dalam puisi Arab moden. Kajian kes berikutnya ialah *Awlād ḥāratinā* novel Najīb Mahfūz (1911-2006), iaitu sasterawan Arab Mesir yang juga terkenal di Dunia Arab dan Barat. Sebagai pengiktirafan terhadap hasil pengkaryaan *Awlād ḥāratinā*, beliau dianugerahi Hadiah Nobel Sastera pada 1988. Kajian kes ketiga ialah “Langit

makin mendung” sebuah cerpen yang kontroversial, tulisan Kipandjikusmin (nama pena) sasterawan Indonesia. Sungguhpun cerpen tersebut secara relatifnya kecil berbanding dengan novel Najīb dan antologi al-Bayātī, ia menjadi kajian kes yang penting dalam penyelidikan ini.

Menyentuh “Langit makin mendung”, kewajaran kajiannya terletak pada manifestasi Tuhan, Nabi Muhammad SAW dan Jibrīl sebagai pembuka cerpen realistik yang menyentuh persoalan politik dan sosial Indonesia pada era “Sukarno”. Dari sudut tema kritikan sosial, cerpen tersebut selari dengan ajaran Islam yang menekankan kesedaran dan kepentingan untuk memulihkan suasana dan akhlak sosial, manakala tema lain ialah konfrontasi Indonesia dengan Malaysia pada era “Sukarno”. Walau bagaimanapun, penulisnya “Kipandjikusmin” menggunakan ‘perantaraan’ Tuhan dan Jibril yang dipersonifikasi di samping Nabi Muhammad SAW sebagai watak. Tuhan, Nabi Muhammad SAW dan Jibrīl digambarkan sebagai mempunyai pandangan sinis terhadap situasi sosial dan politik era tersebut. Jibrīl dan Nabi Muhammad SAW juga digambarkan sebagai boleh bertukar menjadi helang untuk meninjau-ninjau suasana sosial dan politik Indonesia pada masa itu (H.B. Jassin, 1972 : 225). Elemen personifikasi Tuhan, dan perwatakan Jibrīl dan Nabi Muhammad SAW tersebut menyebabkan cerpen ini menjadi kontroversial dari perspektif akidah Islamiah.

Menyentuh novel *Awlād ḥāratinā*, ia juga menjadi kes kajian yang penting di sini disebabkan ia menggunakan elemen akidah Islamiah sebagai perantaraan atau watak dalam karya. Sama seperti pandangan Philip Stewart (1981) dalam terjemahan novel tersebut dengan tajuk *Children of Gebelawi*, novel itu pada zahirnya menyentuh

perpecahan sosial masyarakat Mesir, tetapi asasnya ia menyentuh tiga agama samawi Dunia, termasuk agama Islam. Dalam kajian selanjutnya, Stewart (2001) mengkaji perbezaan antara kedua-dua versi Arab *Awlād ḥāratinā*, iaitu versi al-Ahrām yang diterbitkan pada 1959 dan versi Beirut yang diterbitkan 1967. Beliau mendapati perbezaan yang ketara dari sudut pembuangan dan penambahan perkataan atau frasa, dan dari sudut tanda bacaan. Beliau menyatakan bahawa terdapat 1241 perbezaan patah perkataan di samping menyenaraikan sebahagian perbezaan tersebut. Walau bagaimanapun, persoalan penting di sini ialah persoalan akidah Islamiah yang terusik dalam novel tersebut, antaranya ialah ‘simbolisme’ yang membawa mesej penghinaan terhadap Islam, di samping wujudnya penyelewengan yang ketara terhadap ‘kerangka’ penceritaan al-Qur’an. Selain itu, terdapat ‘penamaan’ yang tidak mempunyai erti kenabian digunakan untuk watak yang merujuk Nabi. Penamaan tersebut ialah Adham (Nabi Adam AS), Jabal (Nabi Musa AS), Rifāḥ (Nabi Isa AS) dan Qāsim (Nabi Muhammad SAW).

Menyentuh persoalan asas di sini, penyelewengan elemen akidah Islamiah memang wujud dalam novel tersebut. Antaranya berkenaan konsep ketuhanan yang diselewengkan melalui watak Jabalāwī yang dihadirkan secara yang luar biasa, mengatasi tabie manusia, dengan diberikan kuasa memerintah “lorong kita”, iaitu simbol Dunia, dan dengan usia yang luar biasa panjang. Kesannya, watak Jabalāwī itu dijadikan penyambung antara bab-bab cerita yang mempunyai pertalian yang longgar kecuali dari sudut “keturunan” Jabalāwī yang dianggap sebagai “moyang” pada setiap bab cerita. Setiap bab cerita boleh dianggap suatu cerita yang boleh berdiri sendiri, dan setiap cerita mengulangi satu tema yang sama, iaitu eksploitasi harta amanah Jabalāwī oleh golongan berkuasa, *nāẓir* (pengurus harta amanah) dan konco-

konconya.¹ Golongan miskin pula digambarkan sebagai ditindas kerana dipaksa membayar ufti kepada *nāzir*.

Menyentuh *Dīwān*, karya al-Bayātī, ia juga menyinggung persoalan akidah Islamiah, tetapi secara tidak langsung, iaitu dengan penggunaan ‘perantaraan’ kebudayaan dan kepercayaan bukan Islam. Secara umumnya, dengan melihat pada penggunaan perantaraan bukan Islami itu, hasil karya beliau juga boleh dianggap sebagai tidak Islami. Perantaraan bukan Islami itu boleh berbentuk ‘simbol’ atau ‘penamaan’ bukan Islami, dan ‘simbol’ dan ‘penamaan’ bukan Islami inilah dengan sendiri menafikan akidah Islamiah kerana setiap elemen akidah Islamiah tidak boleh ditolakansurkan. Antara simbol atau penamaan bukan Islami yang digunakan itu ialah beberapa simbol Kristian seperti Jesus² dan salib,³ sebagai satu sumber untuk memberi kekuatan semantik tentang malankolik. Di samping itu, terdapat dalam karyanya, beberapa penamaan atau simbol bukan Islami dari kebudayaan atau agama lain selain Kristian tersebut. Dari aspek lain, terdapat penamaan Islami yang dimanipulasikan sehingga pemaknaan asal, yang boleh dikaitkan dengan akidah Islamiah, dinafikan. Seterusnya, terdapat dalamnya, idea atau fahaman bukan Islami, iaitu sosialisme yang tersirat. Semua aspek ini menyentuh persoalan akidah Islamiah.

Ketiga-tiga kajian kes di atas mewakili tiga genre yang berlainan tetapi menyinggung akidah Islamiah dari sudut yang berbeza. “Langit makin mendung” memperguna elemen akidah Islamiah tentang ketuhanan, kenabian dan kemalaikatan

¹ Jika melihat pada perkembangan periode sejarah manusia yang bermula dengan Nabi Adam AS hingga Muhammad SAW ia merupakan satu bentuk kepelbagaian aspek drama seperti pandangan Muhammad Ahmad al-Qudāh (2000 : 62). Walau bagaimanapun, kepelbagaian itu boleh dilihat sebagai satu bentuk penghinaan sejarah para Nabi sendiri.

² Terdapat perkataan Jesus Yasū‘ atau al-Masīh sebanyak 13 kali dalam *Dīwān ‘Abd al-Wahhāb al-Bayyātī* (1969a).

³ Terdapat perkataan salib dalam bentuk kata nama atau kata kerja sebanyak 33 kali dalam karya yang sama.

yang diletakkan dalam ‘kerangka’ penceritaan yang dipenuhi humor. Walau bagaimanapun, ‘kerangka’ humor tersebut bercanggah dengan tradisi humor yang terdapat dalam ajaran Islam. Humor dalam Islam diasaskan pada beberapa prinsip yang penting, antaranya ialah kebenaran, pengajaran, hiburan yang tidak melalaikan, dan menghormati asas-asas agama Islam, yang antaranya ialah akidah Islamiah. Jelas bahawa elemen personifikasi Tuhan dan malaikat Jibril; elemen konsep kebangkitan semula yang diselewengkan, iaitu dari alam Akhirat ke alam dunia; dan elemen manifestasi Rasulullah SAW dalam bentuk burung helang di samping Jibril, adalah bertentangan dengan akidah Islamiah. Semua elemen ini menafikan hakikat ketuhanan, kemalaikatan dan kenabian dalam Islam. Beralih kepada lapisan luaran⁴ *Awlād ḥāratinā*, ia tidak mencabar akidah Islamiah secara langsung, tetapi melalui lapisan dalaman, iaitu sebagai sebuah cerita alegori atau simbolik, ia nyata mempersendakan konsep ketuhanan dalam Islam melalui watak Jabalāwi, “moyang” sepanjang cerita tersebut. *Dīwān*, karya al-Bayātī pula, menyinggung akidah Islamiah dengan penggunaan elemen kepercayaan selain Islam.

1.2 Biografi karyawan Islam yang dikaji

Pertama menyentuh ⁶Abd al-Wahhāb al-Bayātī, beliau dilahir dan dibesarkan di Baghdad pada 1969 di sebuah perkampungan yang berdekatan masjid al-Sheikh ⁶Abd al-Qādir al-Kilānī. Kawasan ini didiami oleh beberapa lapisan masyarakat yang terdiri

⁴ Tanpa menganggapnya sebagai karya *ramzī* atau perlambangan yang diadaptasi daripada al-Qur’an tetapi ramai pengkritik seperti Muhammad Aḥmad al-Qudāh (2000 : 63 & 70), ⁶Alī al-Jawharī (1994: 15-23) dan Sa‘īd Shawfī Muḥammad Sulaymān (2000 : 377-381) beranggapan demikian dan tanpa mengira pengakuan Najīb sendiri seperti yang dirakam oleh Fatimah al-Zahrā’ Muḥammad Sa‘īd (1981 : 135).

daripada golongan miskin, penjual, pekerja, penghijrah dari kampung, dan kelas menengah. Beliau merupakan graduan Kolej Latihan Perguruan di Baghdad dan menyandang jawatan perguruan di beberapa buah sekolah menengah buat seketika sebelum dipecat. Beliau meninggalkan Iraq pada tahun 1954 dan menjadi guru semula di Syria. Beliau berada di bekas Republik Sosialis Soviet Rusia selama tujuh tahun kemudian menetap di Kaherah (Wikipedia, tth.).

Beliau merupakan seorang pemuisi Iraq yang terkenal dan produktif, dan dianggap sebagai pelopor aliran sosialis realisme dalam gerakan puisi Arab moden. Disebabkan pegangan aliran ini, beliau terpaksa melarikan diri ke luar negara, iaitu di beberapa negara Arab yang lain, Eropah terutama sekali Eropah Timur, dan Rusia. Selepas empat tahun membuang diri di Lubnan, Syria dan Mesir, beliau kembali ke Iraq pada 1958 selepas Putera Mahkota Abdullah dan Raja Faisal diguling dan dibunuh dalam satu rampasan kuasa. Kerajaan Republik Iraq yang baru melantiknya di jawatan kementerian pelajaran, kemudian beliau dilantik sebagai atase kebudayaan Iraq di Moscow. Pada 1961, beliau meletak jawatan tetapi terus tinggal di Rusia. Di Rusia, beliau menjadi pensyarah di Asian and African People's Institute, Soviet Academy of Sciences. Dalam pada itu, beliau selalu berulang alik ke Iraq dalam tahun 1964 dan pada tahun yang sama beliau berpindah ke Mesir. Pada pertengahan tahun 1970-an, beliau berpindah randah antara Kaherah, Paris, London, Madrid, Jeddah dan Delhi tetapi selepas itu beliau terus pulang ke Asia Barat (Wikipedia, t.th.).

Apabila parti Ba^cth mengambil alih pemerintahan Iraq daripada parti ^cĀrif pada tahun 1968, al-Bayātī pulang ke tanah air tetapi terpaksa melarikan diri beberapa tahun kemudian kerana ancaman kempen menentang golongan liberal, termasuk

beliau. Pada tahun 1972, beliau menerima penghormatan daripada kerajaan Iraq yang baru dan pada 1980 sekali lagi beliau dilantik sebagai atase kebudayaan oleh bekas Presiden Saddām Ḥusayn ke kedutaan Iraq di Madrid. Apabila kerajaan Saddām menceroob Kuwait pada 1990, al-Bayātī meninggalkan Sepanyol dan mencari perlindungan di Jordan dan kemudian di Syria. Pada 1995, Saddām membatalkan kerakyataan al-Bayātī kerana menyertai festival kebudayaan Arab Saudi. Konfliknya dengan kerajaan Iraq menjadi inspirasi penting karyanya. Beliau meninggal dunia dalam buangan di Damsyik pada 3hb. Ogos 1999 (*al-Ahram Weekly Online*, 1999).

Semua antologi tersebut, kecuali *Mamlakat al-sumbulah* dan *Bustān ʿĀʾishah*, dibukukan dalam tiga jilid dan dijudulkan sebagai *Dīwān ʿAbd al-Wahhāb al-Bayātī*. Ia diterbitkan pada 1972 oleh Dār al-ʿAwdah, Beirut, Lubnan (M.M. Badawi, 1976 : 210). Versi yang dirujuk dalam kajian ini ialah *Dīwān ʿAbd al-Wahhāb al-Bayātī*, jilid satu (1979), *Dīwān ʿAbd al-Wahhāb al-Bayātī*, jilid dua (1979), *Dīwān ʿAbd al-Wahhāb al-Bayātī*, jilid tiga (1979) dan *Love, death and exile* (Bassam K. Frangieh (pent.),1990).

Walaupun menentang kerajaan Iraq, buku al-Bayātī masih dapat dijual di kedai-kedai buku Baghdad. Beliau memulakan kerjayanya sebagai penulis dengan komitmen terhadap perjuangan golongan proletariat atau pekerja. Sumber pengkaryaan beliau terdiri daripada bahan sejarah, agama dan mitos yang terkenal. Antologinya yang pertama *Malāʾikah wa shayātīn* (1950) masih terikat dengan trend romantisme yang popular pada ketika itu. Walau bagaimanapun, beliau melakukan perubahan dalam pengkaryaan dengan menyertai para penyair Iraq yang lain yang mengubah puisi bebas pada 1950-an. Antologi *Cerek pecah* dipenuhi dengan puisi-

puisi bebas. Antologi-antologi yang seterusnya menyaksikannya sebagai penyair yang paling terserlah bagi aliran sosialis realisme, justeru beliau digelar sebagai pelopornya. Beliau menggunakan bahasa yang mudah yang hampir menyamai bahasa perbualan harian tetapi karyanya mengandungi elemen sastera yang terdiri daripada puisi tradisional, peribahasa yang terkenal, petikan kata-kata dan unsur dialog. Semua elemen ini diseragamkan dalam puisinya yang mendukung cita-cita perubahan dunia terutama negara Arab secara drastik atau revolusionar. Beliau menyanjung perjuangan kebangsaan Arab dan perjuangan untuk kebajikan pekerja. Kebanyakan karya atau antologi al-Bayātī yang seterusnya dipengaruhi elemen metafizik. Perpisahannya dengan isteri dan anak-anaknya sering terukir dalam bentuk nada nostalgia.

Sumber pengkaryaan al-Bayātī boleh dikaitkan dengan pelbagai pembacaannya. Antaranya tulisan pemuisi yang kontemporari dengannya seperti Mayakovsky, Nazim Hikmet, Paul Eluard, Aragon, Lorca, Neruda dan lain-lain. Kesemua pemuisi ini mempengaruhi karya al-Bayātī. Karya *Apa yang datang dan tidak datang* dan *Kematian semasa hidup* ditujukan khusus kepada Lorca. *Malaikat dan syaitan* masih mendukung aliran romantisme yang menguasai persada kesenian puisi Arab ketika itu tetapi *Cerek yang pecah* yang mengandungi 41 qasidah lebih realistik. Gambaran realistik ini menyentuh kehidupan di luar bandar dan petani miskin pada satu sudut dan kehidupan di bandar atau kota yang dipenuhi dengan ancaman, bahaya, jenayah dan kemelaratan pada sudut yang lain. Ini semua menggambarkan pengaruh ideologi sosialisme yang terdapat dalam karya beliau. Antologinya *Kecemerlangan untuk kanak-kanak dan pokok zaitun* pula menyentuh perjuangan rakyat Palestin membebaskan bumi mereka dari Israel. Dalam antologi ini terdapat 'simbol' agama Kristian yang terkenal dalam kalangan pemuisi Arab

modenisme, iaitu 'Jesus' dan 'salib' untuk memberi kekuatan semantik tentang penderitaan (Badawi, 1976 : 210-213).

Pengaruh sumber Islami dan bukan Islami juga wujud dalam karya al-Bayātī dalam bentuk berapa personaliti sejarah atau dongeng yang dihadirkan sehingga menjadi satu pengisian penting. Antara mereka ialah pemuisi Arab Tarfah, Abū Firās dari Ḥamdan, al-Mutanabbī, Dīk al-Jinn, al-Ma^carrī, 'Umar Khayyām (pemuisi dan ahli matematik Parsi yang terkenal), al-Hallāj, Alexander the Great, Hamlet, Sindbad, Che' Guevara, Picasso, Hemingway, Nazim Hikmet, Albert Camus dan 'Ā'ishah. Selain itu, terdapat beberapa 'simbol' penting seperti bandar Iram yang disebutkan dalam al-Qur'an, beberapa watak yang diambil daripada *Hikayat seribu satu malam*, beberapa pemuisi *Maqāmāt* seperti al-Harīrī dan al-Ma^carrī, bandar-bandar dan sungai seperti Damsyik, Naisapur, Granada, Madrid, Cordova dan sungai Furat (Badawi, 1976 : 214). Pada asasnya, kesemua simbol ini memberi kesan terhadap akidah Islamiah dengan kadar implikasi yang berbeza seperti yang akan dibahaskan kemudian dalam bahagian analisis.

Merujuk kepada sumber sejarah tentang kegemilangan Islam secara khusus, ia digunakan dalam karya al-Bayātī tetapi berasaskan 'kerangka' modenisme yang asasnya mempertikai tradisionalisme. Hasilnya, beliau melihat sejarah kegemilangan Islam tersebut sebagai satu kelemahan dan kesilapan yang seterusnya menjadi punca kelemahan perpaduan umat Arab dalam menangani persoalan sosial semasa. Sebagai contoh, personaliti Khalīfah Hārūn al-Rashīd, sebagai 'simbol' penting sejarah kegemilangan Islam, digambarkan dalam karya beliau sebagai 'simbol' nafsu dan kekejaman sungguhpun ini ternyata bertentangan dengan penjelasan sejarah Islam

tentang khalifah itu sebagai dermawan dan mencintai kebaikan. Begitu juga personaliti Dīk al-Jinn al-Himsī, sasterawan Arab klasik yang terkenal dan sebaris dengan sasterawan Abū Nuwās digambarkan dalam puisi al-Bayātī sebagai bersifat cemburu dan sanggup membunuh kekasihnya. Penggunaan personaliti secara tidak tepat atau melewati realiti dan fakta sejarah Islam atau Arab yang diperkatakannya bertujuan untuk memberi kekuatan kepada mesejnya tentang kebebasan dan kemerdekaan yang global (Ostle, 1975 : 56-62). Walau bagaimanapun, penggunaan seumpama ini memberi kesan tidak langsung terhadap akidah Islamiah.

Kedua menyentuh Najīb Maḥfūz, beliau dilahirkan di Jamālīyah, Kaherah pada 11 Disember 1911. Keluarganya hidup di dua daerah kota tersebut, Jamālīyah dan ʿAbbāsīyah yang menjadi latar belakang kebanyakan tulisannya. Bapanya pegawai kerajaan dan Najīb sendiri mengikut jejak langkahnya. Semasa usia kanak-kanak, emaknya selalu membawanya ke muzium dan hasilnya, sejarah Mesir mempengaruhi dan menjadi tema kebanyakan karyanya. Pada 1930, beliau menyambung pelajaran di Universiti Kaherah dalam bidang falsafah dan dalam masa yang sama banyak menyumbang artikel mengenai falsafah terutama sekali dalam *al-Majallah al-jadīdah* yang berada di bawah editor Salāmah Musa. Pada tahun 1934, beliau menjadi graduan universiti tersebut, dan menjelang tahun 1936, beliau membuat keputusan untuk menjadi seorang penulis profesional. Beliau bekerja sebagai wartawan *al-Risālah* dan dalam masa yang sama menyumbang karya kepada akhbar *al-Hilāl* dan *al-Ahrām* (el-Enany, 1993 : 1, 11-16).

Najīb merupakan novelis dari Mesir dan penulis Arab yang pertama yang dianugerahi Hadiah Nobel Sastera pada 1988. Ramai pengkritik di Dunia Arab

melihat hadiah tersebut dengan sinis, tambahan pula karya yang dianugerahkan itu telah diterbitkan pada tiga dekad lepas. Sungguhpun novel tersebut mendapat perhatian ramai pembaca Arab, kebanyakan karyanya tidak diterbitkan di semua negara Arab yang ketika itu menentang perjanjian gencatan senjata Camp David antara Presiden Mesir Anwar Sadat dengan Presiden Israel pada 1978. Sehingga dia meninggal pada 2006, Najīb telah menulis lebih kurang 34 novel, lebih daripada 350 cerpen, puluhan drama dan teater (Wikipedia, tth.).

Sebelum memulakan penulisan novel, Najīb menulis esei dan cerpen. Bukunya yang pertama diterbitkan ialah hasil terjemahannya bagi karya James Baikie mengenai sejarah Mesir kuno (El-Enany, 1993 : 35). Dia memulakan karier penulisan artikel dalam bidang falsafah dan sosial di samping sejarah Mesir kuno pada tahun 1931 sehingga penghujung tahun 1940an. Dalam pada itu, beliau menghasilkan tiga novel yang menggunakan latar belakang sejarah Mesir kuno, iaitu *‘Abth al-aqdār*, *Radūbis* dan *Kifāh Ṭībah*. Selepas itu, karyanya mula menggunakan pendekatan lain, iaitu menyentuh permasalahan sosial dengan pelbagai tema penderitaan, putus asa dan kezaliman. Seterusnya, karyanya memasuki tahap falsafah kewujudan yang membincangkan persoalan ketuhanan melalui karya-karya simbolik seperti *Awlād ḥāratinā*, *al-Liṣṣ wa al-kilāb*, *al-Simān wa al-kharīf* dan *al-Shaḥḥādh*. Walau bagaimanapun, persoalan metafizik yang ringan sudah wujud dalam karya-karya sebelum itu seperti melalui watak Sayyid Aḥmad ‘Abd al-Jawād – dalam Triloginya – yang digambarkan sebagai mempunyai ciri keperkasaan yang hanya boleh dikaitkan dengan Tuhan (Nabīl Faraj, 1986 : 12-13), melalui perbandingan, persamaan atau keselarian jauh.

Pada tahap realisme, iaitu selepas tahap karya sejarah Mesir, Najīb mengutarakan persoalan falsafah kehidupan dan ketuhanan sebagai tema yang tersirat. Triloginya, iaitu *Bayn al-qasrayn*, *Qasr al-shawq* dan *al-Sukkarīyāt* merupakan antara karya yang mempersoalkan ketuhanan dan memperkenalkan falsafah Barat. Falsafah Barat yang dimaksudkan itu ialah Darwinisme, pragmatisme dan sosialisme yang dikaitkan oleh Najīb dengan mentornya, Salāmah Mūsā. Tema tersuratnya ialah persoalan kebebasan individu dan persoalan pembahagian ekonomi yang dikuasai oleh golongan berkuasa manakala golongan menengah dipinggirkan. Sebahagian karyanya seperti Trilogi tersebut berbentuk autobiografi dengan watak utamanya seperti Kamāl ʿAbd al-Jawād sebagai Najīb sendiri (Ghalī Shukrī, 1969 : 17-81).

Beliau menjadikan beberapa bahagian Kaherah, tempat beliau dibesarkan sebagai latar belakang novel itu. Novel ini menggambarkan watak utama Kamāl, iaitu Najīb sendiri yang melankolik manakala bapanya al-Sayyid Aḥmad ʿAbd al-Jawwād seorang yang tegas. Ia berkisar pada keluarga tersebut sepanjang tiga generasi di Kaherah dari Perang Dunia I hingga ke 1950-an apabila Raja Faruq I digulingkan. Dengan kepelbagaian watak dan fahaman ideologi, karya Najīb ini mempunyai persamaan dengan karya penulis seperti Balzac, Dickens, Tolstoy dan Galsworthy. Najīb berhenti menulis buat seketika selepas menyelesaikan *Trilogi* itu kerana kecewa terhadap rejim Jamāl ʿAbdul Nāṣir yang dianggapnya sebagai gagal mencapai objektif selepas penghapusan sistem beraja, yang dianggapnya sebagai tidak memenuhi inspirasi rakyat, pada 1952. Beliau mula menulis kembali pada 1959 dan seterusnya dengan banyak menghasilkan novel, cerpen, laporan kewartawanan, memoir, esei dan skrip untuk layar perak (El-Enany, 1993 : 1-11).

Pada tahap penceritaan, *The Children of Gebelawi* atau *Awlād ḥāratinā* menggambarkan kehidupan seorang bapa Gebelawi, atau Jabalāwī, dan “anak-anaknya” yang mewakili masyarakat awam Mesir yang menjalani kehidupan seperti Qābil dan Hābil, Nabi Mūsā, Nabi ‘Isā dan Nabi Muhammad SAW. Jabalāwī membina sebuah mahligai di kawasan oasis di tengah-tengah padang pasir yang gersang. Kawasan kediamannya menjadi punca perbalahan keluarga yang berterusan untuk beberapa generasi yang lama. Apabila seseorang daripada keluarga besar itu murung, menderita atau berasa hina, dia akan menuding jari ke arah mahligai itu yang berada di atas kawasan tinggi lembah itu dan menghadap ke arah padang pasir sambil berkata: “Itu dia mahligai moyang kita, kita semua adalah keturunannya dan kita mempunyai hak terhadap hartanahnya. Kenapa kita terpaksa kebuluran? Apakah kesalahan yang kita lakukan?” Karyanya ini diharamkan di seluruh Dunia Arab kecuali Lubnan. Pada tahun 1960-an, Najīb sekali lagi menerokai tema seumpama itu yang menekankan kemanusiaan yang terpisah daripada penguasaan Tuhan dalam novel-novelnya yang boleh dikaitkan dengan fahaman *wujūdīyah*. Sebagai contoh dalam *Pencuri dan anjing*, dia menggambarkan nasib yang menimpa seorang pencuri yang berfahaman Marxisme yang baru keluar penjara dan merancang untuk membalas dendam. Malangnya ia dibunuh di satu kawasan perkuburan (Ghāli Shukrī, 1969 : 238-267).

Sebelum memenangi Hadiah Nobel Sastera, hanya beberapa karyanya tersiar di Barat. Jacqueline Onassis merupakan antara mereka pada peringkat pertama, yang menyebarkan terjemahan-terjemahan karya Najīb kepada pembaca Inggeris. Pada 1994, Najīb ditikam di lehernya dengan sebilah pisau dapur. Dua militan Islam Mesir

dihukum mati pada 1995 kerana cuba membunuhnya. Dalam usia tuanya, beliau menjadi hampir buta (Declan O' Sullivan, 2003 : 107-109).

Terakhir menyentuh Kipandjikusmin, beliau merupakan nama pena kepada cerpenis Indonesia yang menulis cerpen "Langit makin mendung". Cerpen ini diterbitkan dalam majalah *Sastra* Ogos 1968. Ketua editornya H. B. Jassin dengan sengaja mempertahankan identiti penulis yang dianggap menyakiti umat Islam melalui cerpen kontroversial tersebut. H. B. Jassin sanggup menyembunyikan identiti sebenar Kipandjikusmin dan membiarkan dirinya dibicara. Akibatnya, H. B. Jassin dihukum satu tahun penjara serta dua tahun berada dalam tempoh perhatian mahkamah. Malah H. B. Jassin sanggup mengeluarkan sebuah buku *Heboh sastra 1968: suatu pertanggungjawab* untuk mempertahankan kebebasan dan "kemurnian" cerpen tersebut daripada tuduhan menghina Islam (Eneste, 1987 : 27, 41, 45, 54-59 dan 81). Melalui karya *Polemik* (1972) suntingan H. B. Jassin dan *Pleidoi sastra* (2004) edisi baru kepada (*Polemik*), dapat disimpulkan bahawa Kipandjikusmin menjadi terkenal dalam kalangan pengkritik disebabkan perdebatan antara H. B. Jassin dengan pengkritik yang tidak sehaluan dengannya, bukan Kipandjikusmin sendiri. Cerpenis ini tidak dikenali ramai lantaran jumlah karyanya yang sedikit. Oleh itu, beliau bukan sasterawan produktif tetapi karyanya "Langit makin mendung" mempunyai merit untuk dikaji disebabkan ia diperpanjang dan diperdebat keislamannya.

1.3 Pernyataan masalah kajian

Ternyata daripada penjelasan di atas, ketiga-tiga kes kajian tersebut mempunyai kewajaran untuk dikaji dari sudut implikasi akidah Islamiah, sesuai dengan tajuk kajian ‘Batasan Berkarya Menurut Akidah Islamiah’. Hal ini kerana ketiga-tiga karya tersebut didapati menghina Islam, sama ada secara langsung atau tidak, hasil daripada perkembangan sastera yang didominasi oleh pemikiran bebas. Pemikiran bebas ini diasaskan pada ‘pemberontakan’ terhadap ‘tradisionalisme’ atau ‘norma sosial’, yang dianggap oleh pengkarya tersebut sebagai lambang *establishment* atau golongan yang berkuasa, tetapi tidak berlaku adil pada pandangannya. Walau bagaimanapun, pemberontakan terhadap tradisionalisme dan norma sosial tersebut adalah pemberontakan terhadap Islam sendiri kerana pemberontakan tersebut dihalakan kepada masyarakat Islam secara keseluruhan, dan kerana novel itu menggunakan ‘perantaraan’ yang bercanggah dengan akidah Islamiah. Oleh itu, pemberontakan seumpama ini menjadi petanda karya bukan Islami, dan ia juga memisahkan karya itu daripada definisi karya Islami.

Walaupun bagaimanapun, penghinaan terhadap Islam, seperti yang dijelaskan di atas, boleh dikelirukan dan dianggap sebagai tidak memberikan sebarang kesan terhadap akidah Islamiah, persoalan utama kajian ini. Hal ini disebabkan dakwaan “nada keislaman” atau “universal” dalam bentuk tema keadilan sosial yang dikatakan wujud dalam karya tersebut. Penghinaan itu semakin dikelirukan lagi apabila sastera dikatakan berada dalam domain “fiksyen” yang dianggap terpisah daripada agama Islam, dalam konteks ini terpisah daripada akidah Islamiah. Kekeliruan ini jelas wujud dalam ketiga-tiga kajian kes tersebut kerana karya tersebut bertemakan keadilan sosial